



**POLITEKNIK BANTING SELANGOR**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

---

**GARIS PANDUAN BAGI PENDAFTARAN PELAJAR KANAN**  
**SESI II: 2024/2025**

## 1.0 PENGENALAN

Pendaftaran pelajar kanan bagi Sesi II: 2024/2025 akan diadakan pada ketetapan berikut:

- a) Pelajar yang mempunyai kursus berstatus C1, C2 atau masih belum mengambil kursus sesi sebelum perlu hadir pada ketetapan berikut:-

Program	DKM, DTP, DAM
Tarikh	10 Januari 2025 (JUMAAT)
Masa	9.00 pagi – 12.00 tgh
Tempat	Kafeteria Mas

- b) Pelajar biasa (tiada ketinggalan kursus atau *carry module*) seperti ketetapan berikut:-

Program	DKM, DTP, DAM
Tarikh	12 Januari 2025 (AHAD)
Masa	9.00 pagi – 1.00 ptg
Tempat	Kafeteria Mas

## 2.0 PROSEDUR PENDAFTARAN

Pelajar yang hadir ke kampus hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

- i. Pelajar diminta hadir ke kampus pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan bagi melancarkan proses pendaftaran Kolej Kediaman.
- ii. resit bayaran bagi Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman.
- iii. Pelajar perlu memastikan kesihatan berada dalam keadaan yang baik sebelum bergerak ke PBS.
- iv. Bermula SESI II: 2024/2025 semua pelajar dikehendaki menginap di Kolej Kediaman PBS.

- v. Pelajar juga **WAJIB** menjelaskan Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman terlebih dahulu sebelum hadir ke kampus. Sila sediakan satu Salinan semua resit bayaran untuk diserahkan di kaunter pengambilan kunci.
- vi. Pelajar yang membawa kenderaan diminta mendaftarkan kenderaan dengan pihak PBS di Jabatan Hal Ehwal Pelajar selepas hari pendaftaran.
- vii. Pelajar diminta mematuhi **ETIKA PEMAKAIAN** yang sesuai dan **BERAMBUT PENDEK** semasa mendaftar kolej kediaman.

### 3.0 KADAR YURAN BAGI SESI II: 2024/2025

**Jadual 2.0:** Kadar Bayaran Yuran Sesi II: 2024/2025

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN	TEMPOH
1	Yuran Pengajian	200.00	Bayaran secara online menggunakan JomPAY di dalam satu resit	2 Januari 2025 sehingga 9 Januari 2025
2	Yuran Kolej Kediaman	630.00	Biller Kod PBS = <b>629485</b> <i>Reference1:</i> Nombor kad pengenalan <i>Reference2:</i> Nombor telefon <b>PELAJAR.</b>	
3	Bayaran Insurans Berkelompok  (Pelajar Semester 3, 5 dan 7 sahaja)	35.00	<b>Nama bank:</b> BIMB <b>Nama akaun:</b> Koperasi Politeknik Banting Selangor Berhad  <b>No Akaun:</b> 12074010066261 <b>Reference:</b> Kelas_No Pend. <b>cth:</b> Dkm3A_24dkm22f1102)	2 Januari 2025 sehingga 9 Januari 2025

4	<p>Bayaran Majlis Sukan Politeknik (MSP)</p> <p>*pelajar sangat diwajibkan membayar Yuran MSP</p>	<p>10.00 (Yuran Pendaftaran) *bagi yang belum membayar</p> <p>15.00 (setiap semester)</p>	<p><b>Nama Bank:</b> BIMB  <b>Nama Akaun:</b> Majlis Sukan Politeknik Malaysia  <b>No. Akaun:</b> 04033010039694  <b>Rujukan 1 :</b> Masukkan no kad pengenalan  <b>Rujukan 2 :</b> PBS</p> <p><b>Sila hantar bukti bayaran dan borang keahlian kepada Pegawai Sukan PBS</b></p>	<p>2 Januari 2025 sehingga 9 Januari 2025</p>
---	---	---	--	---

\*Sila bawa satu salinan resit bayaran untuk diserahkan di kaunter Kolej Kediaman

#### 4.0 TATACARA MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA MENGGUNAKAN JomPAY SECARA ATAS TALIAN DI MANA-MANA BANK DI MALAYSIA

Pelajar **DIWAJIBKAN** untuk menyelesaikan bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman sebelum lapor diri di Kolej Kediaman PBS. Oleh itu, untuk menjelaskan bayaran tersebut maka pelajar hendaklah mengikuti beberapa langkah yang telah ditunjukkan di dalam buku ini secara terperinci bagi mengelakkan kesilapan berlaku semasa pembayaran dilakukan.

##### 4.1 MAKLUMAT PENTING

Semua pelajar diminta **mematuhi dan memahami arahan ketika membuat pembayaran** yuran pengajian dan Yuran Kolej Kediaman di BIMB. Pihak Politeknik KPT **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

Bagi mengelakkan sebarang permasalahan semasa proses melapor diri di Kolej Kediaman pada 12 Januari 2025 (Ahad). Semua pelajar dikehendaki untuk menyelesaikan bayaran Yuran Pengajian dan dan Yuran Kolej Kediaman **selewat-lewatnya pada 9 Januari 2025 (Khamis) sebelum jam 5.00 petang**. Resit bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman hendaklah diserahkan sebelum mengambil kunci bilik Kolej Kediaman.


#### 4.1.1. KAEDAH PEMBAYARAN YURAN

Bayaran boleh dibuat melalui LANGKAH berikut:

- a. Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau mobile banking



- b. Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*



- c. Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:

Billers Kod Politeknik Banting = **629485**

*Reference 1* : Nombor kad pengenalan **PELAJAR** tanpa (-)

**contoh 031229105384**

*Reference 2*: Nombor telefon **PELAJAR**.

**contoh 0197524352**

*Jumlah*: Sila semak **Jadual 2.0**: Kadar Bayaran Yuran Sesi II: 2024/2025

From : Select an Account

Please key in the necessary :

Billar Code :

Ref-1 :

Ref-2 :  Enter if available

Amount (RM) :

Cancel Submit

Billar code = **629485**

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Reference 2 : Nombor telefon pelajar

Amount : Jumlah bayaran

d. Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran.

From : 745839932 -- Savings Account

Billar Code : 629485 MyCOMPANY SDN BHD

Ref-1 : 83748222

Amount (RM) : 230.00 200

Back Confirm

confirm

Billar code = **629485**

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Amount : Jumlah bayaran (sila rujuk jadual bayaran)

e. *Unique JomPAY Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

Status : Successful

From : 745839932 -- Savings Account

Billar Code : 3830 - MyCOMPANY SDN BHD

Ref-1 : 83748222

Amount (RM) : 230.00

Date & Time : 28-FEB-2014 08:17:06 AM

JomPAY Reference No. : 9JD72KF9

Bank Reference No. : 1836008

OK Print

Billar code = **629485**

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Amount : Jumlah bayaran

Nombor rujukan bayaran

f. Pelajar **DIWAJIBKAN** mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan sebagai rekod pendaftaran pelajar

## 5.0 PERSEDIAAN DAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEBELUM DAN SEMASA PENDAFTARAN POLITEKNIK

Sebagai seorang pelajar PBS yang akan mengikuti pengajian pada setiap semester maka saudara/saudari hendaklah mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh pihak PBS serta menjelaskan segala bayaran yang dikenakan agar proses pengajian berjalan lancar.

### a. PERSEDIAAN SEBELUM PENDAFTARAN SECARA DALAM TALIAN

Pelajar dinasihatkan untuk melaksanakan pembayaran Yuran Pengajian sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Jadual 2.0

### b. PENDAFTARAN POLITEKNIK SECARA DALAM TALIAN DI iDaftar

#### i. Pilih iDaftar



#### ii. Pilih Menu “Daftar I Padam Kursus”



iii. Pilih “Lapor Diri HHP”



iv. Status HHP akan terpapar “Aktif”



c. **TEMPAHAN BILIK KOLEJ KEDIAMAN SECARA ATAS TALIAN DI i-KAMISIS**


Laksanakan Tempahan Bilik Kolej Kediaman selepas selesai membuat pendaftaran politeknik didalam sistem SPMP (i-Kamsis)



## 6.0 PROSES PENDAFTARAN

Proses pendaftaran politeknik akan berlaku ketika sesi pengajian bermula dan ianya akan berulang untuk semester berikutnya sehinggalah pelajar menamatkan pengajian di Politeknik Banting Selangor. Selain itu juga, pelajar hendaklah mendaftar Kolej Kediaman dan kursus pada setiap semester. Bagi memudahkan urusan pendaftaran maka pelajar hendaklah mengikut carta alir yang telah dikemukakan.

### 6.1 CARTA ALIR AKTIVITI PENDAFTARAN PENGAJIAN PELAJAR SENIOR SESI II: 2024/2025




**Rajah 1.0:** Carta Alir Proses Pendaftaran Pengajian Pelajar Kanan SESI II: 2024/2025



## 7.0 PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK TAKAFUL MALAYSIA

Perlindungan Insurans Kelompok Takaful Malaysia merupakan salah satu perlindungan tambahan yang ditawarkan kepada semua pelajar-pelajar Politeknik Banting Selangor (PBS) dengan kadar premium yang sangat berpatutan dan sah untuk tempoh 1 (satu) tahun sahaja. Antara kelebihan insurans ini adalah perlindungan yang menyeluruh meliputi perbelanjaan perubatan akibat kemalangan, pampasan bagi kematian atau hilang upaya kekal. Perlindungan insurans ini adalah pilihan tambahan sahaja kepada pelajar-pelajar PBS, kecuali bagi pelajar yang akan menjalani Latihan Industri di mana perlindungan insurans (kelompok atau peribadi) **adalah salah satu syarat kelayakan untuk menjalani Latihan Industri.** (*Perkara 5.2.2 (b) Buku Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Politeknik Malaysia Kementerian Pengajian Tinggi Edisi 2022*)

### 7.1 CARTA ALIR BAGI PERLINDUNGAN INSURANS KELOMPOK SESI II: 2024/2025



**Rajah 2.0:** Carta Alir Proses Perlindungan Insurans Berkelompok PBS



**Rajah 2.0:** QR Borang Penghantaran Resit atau Borang Akuan



**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR  
AKUAN PEMAKLUMAN PERLINDUNGAN INSURAN BERKELOMPOK**

Saya;

Nama : .....

No Kad Pengenalan : .....

No. Pendaftaran : .....

Kelas : .....

Sesi : .....

dengan ini **bersetuju memilih untuk tidak mengambil** perlindungan insuran berkelompok sebanyak **RM 35.00** yang di tawarkan oleh Politeknik Banting Selangor. Saya faham dan akui bahawanya Saya:

1. Tidak akan membuat sebarang tuntutan insuran kelompok di bawah pengurusan Politeknik Banting Selangor sekiranya berlaku kemalangan atau apa-apa kecederaan yang berlaku sepanjang tempoh\*\* ini.
2. Bertanggungjawab atas apa-apa yang berlaku terhadap diri sendiri sepanjang tempoh\*\* ini.

Saya yang bertandatangan di bawah telah membaca dan memahami kandungan Akuan Pemakluman ini.

\_\_\_\_\_  
**(Tandatangan Pelajar)**

Nama Pelajar : .....

Tarikh : .....

\_\_\_\_\_  
**(Tandatangan Saksi)**

Nama Saksi / Cop : .....

Tarikh : .....

\*saksi adalah Ibu/Bapa/Penjaga pelajar

\*\*Tempoh merujuk kepada tempoh perlindungan insuran kelompok (1 Tahun)

**-TAMAT-**